



قلست بروني Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 30 BILANGAN 46

RABU 13 NOVEMBER, 1985.

رابعو 29 صفر 1406

PERCUMA



SALAH seorang pemain sepak takraw berbual mesra dan junjung ziarah ke hadapan majlis Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Yang Dipertua Majlis Olimpik Kebangsaan Brunei, di Dewan Gerak Badan JKBS di Pulaia. — Gambar oleh Ak Abu Bakar PHO.

DULI PENGIRAN BENDAHARA TINJAU LATIHAN

BERAKAS. — Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Yang Dipertua Majlis Olimpik Kebangsaan Brunei, pada hari Selasa lepas berkenan berangkat menyaksikan latihan-latihan yang dijalankan oleh pasukan sepak takraw dan renang yang mengadakan latihan intensif ketika ini.

Mula-mula sekali Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua mengunjung sepasukan pemain-pemain sepak takraw

yang giat menjalankan latihan intensif di Dewan Gerak Badan Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan di Pulaia.

Pasukan yang mengandungi seramai 15 orang pemain itu menjalani latihan di bawah jurulatih dari Malaysia, Awang Azizuddin Khan, bagi persiapan pemilihan ke kejohanan Sukan SEA di Bangkok Disember depan.

Kemudian di sebelah malamnya Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri

Bolkiah berangkat menyaksikan latihan-latihan yang dijalankan oleh ahli-ahli renang negara di Kolam Renang Anggerek Desa. Di samping itu Duli Yang Teramat Mulia juga telah berangkat berangguni latihan-latihan tinju dan ping pong di Pusat Belia.

Dalam kunjungan itu, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua telah mengadakan beberapa perbincangan dengan ahli-ahli sukan dan juru-juru latih. Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dalam lawatan-lawatan tersebut diiringi oleh Yang Dimuliakan Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Awang Haji Hussain dan lain-lain Pegawai Kanan Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan.

MANISNYA IMAN

"HAI Nabi, sesungguhnya Kami mengutusmu untuk jadi saksi, dan pembawa khabar gembira dan pemberi peringatan, dan untuk jadi penyera kepada agama Allah dengan izin-Nya dan untuk jadi cahaya yang menerangi. Dan sampaikan berita gembira kepada orang-orang Mukmin bahwa sesungguhnya bagi mereka kurnia yang besar dari Allah." — Makna ayat 45 — 47 Surah Al-Ahzab.

Brunei — Australia Tandatangani Memorandum Persefahaman

Oleh Ahat Ismail

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu majlis menandatangani memorandum persefahaman antara Kerajaan Australia dan Negara Brunei Darussalam telah berlangsung di Istana Nurul Iman di sini Khamis lepas.

Menurut sumber yang diperolehi daripada Kementerian Pertahanan menyatakan bahawa isi kandungan memorandum persefahaman itu ialah berhubung dengan penyer-

taan ahli-ahli Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dalam aturcara latihan-latihan dan latihan tentera di Australia.

Menandatangani bagi pihak Negara Brunei Darussalam ialah Setiausaha Sulit dan Laila Rahsia kepada Kebawah Duli (Yang Maha Mulia) Maulana Paduka Seri Begawan Sultan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya

Laila Setia Dato Seri Laila Jasa Awang Mohd. Nawawi, merangkap Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan dan Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan Dato Paduka Awang Haji Judin bin Asar.

Sementara itu pihak Kerajaan Australia diwakili oleh Pesuruhjaya Tinggi Australia ke negara ini Tuan Yang Terutama Derek Tucker, serta Jona Stirey dan Douglas Lings.



YANG Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Laila Jasa Awang Mohd. Nawawi, Setiausaha Sulit dan Laila Rahsia kepada Kebawah Duli (Yang Maha Mulia) Maulana Paduka Seri Begawan Sultan merangkap Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan dan Dato Paduka Awang Haji Judin, Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan menandatangani memorandum persefahaman bagi pihak Negara Brunei Darussalam (atas), sementara (bawah) ialah Tuan Yang Terutama Derek Tucker, Pesuruhjaya tinggi Australia ke negara ini, Jona Stirey dan Nicholas Lings yang menandatangani bagi pihak Kerajaan Australia. — Gambar oleh Harun Rashid.

Brunei kecam Dasar Apartheid

NEW YORK. — Negara Brunei Darussalam beserta dengan negara-negara lain turut sama-sama melancarkan kecaman ke atas dasar-dasar Apartheid Afrika Selatan.

Wakil Tetap Negara Brunei Darussalam ke Bangsa-Bangsa Bersatu, Awang Haji Omar bin Haji Seruddin berkata bahawa Brunei Darussalam tidak dapat menerima apartheid dengan segala perwujudannya.

"Ianya merupakan jenayah terhadap peri kemanusiaan dan satu ancaman terhadap keamanan dan keselamatan dunia apartheid mestilah dihancurkan leburkan. Ianya

tidak boleh dibenarkan sama sekali untuk memperkukuhkan dirinya lagi," tegas Awang Haji Omar ketika berucap di Sidang Pleno Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu yang diadakan di Bangunan PBB di sini pada 16 Oktober yang lalu.

Dalam hubungan itu, Negara Brunei Darussalam memuji usaha-usaha yang dijalankan oleh sebilangan negara-negara yang membangun dalam menguatkan sekatan-sekatan ekonomi dan tentera ke atas Afrika Selatan.



13 NOVEMBER, 1985

*Dengan nama Allah yang
pemurah dan maha penyayang*

KAPAL BELIA ASIA TENGGERA: PENINGKATAN PERSEFAHAMAN DAN MUHIBAH

KAPAL BELIA Asia Tenggara 1985 'Nippon Maru' yang membawa 252 orang peserta dari enam buah negara anggota ASEAN dan Jepun telah pun sempurna melaksanakan rangka kunjungan ke negara ini. Rombongan belia tersebut baru sahaja menghabiskan

rangka kunjungan di Bangkok dan telah tiba di Pelabuhan Muara pada 31 Oktober untuk mereka berada di negara ini selama lima hari.

Kapal BELIA Asia Tenggara yang ditaja oleh Kerajaan Jepun adalah merupakan projek tahunan yang bertujuan untuk meningkatkan persefahaman dan muhibah di kalangan belia ASEAN dengan belia Jepun. Di samping itu ia juga bermaksud untuk mengembangkannya lagi bidang kerjasama antara Jepun dengan ASEAN. Kerananya, sejak projek ini dilancarkan pada tahun 1974 ia telah berhasil memupuk persefahaman serta perasaan muhibah di kalangan belia ASEAN dengan belia Jepun dalam erikata masing-masing pihak telah memperoleh manfaat serta faedah yang banyak, bukan sahaja melalui pertukaran-pertukaran pendapat sewaktu dalam pelayaran malah mengenali lebih dekat lagi tentang kebudayaan serta cara hidup masing-masing.

Ini julung kalinya Kapal BELIA Asia Tenggara mengadakan rangka kunjungan ke negara yang berkonsepkan Melayu Islam Beraja. Penglibatan negara kita pada tahun ini bolehlah dianggap penglibatan secara menyeluruh dalam erikata sebanding dengan penglibatan lima buah negara

anggota ASEAN dan Jepun. Sesungguhnya keanggotaan kita dalam ASEAN yang memasuki satu tahun sepuluh bulan telah memungkinkan kita melibatkan diri secara menyeluruh dalam Rancangan Kapal BELIA Asia Tenggara pada tahun ini.

Tahun lepas cuma beberapa orang saja belia kita menyertai rombongan ini. Tetapi tahun ini seramai 35 orang yang terdiri daripada 29 orang lelaki dan selebihnya perempuan menyertai rombongan ini. Sebelum rombongan belia kita ini bertolak ke Singapura untuk bergabung dengan lain-lain peserta dari negara-negara ASEAN dan Jepun bagi memulakan rangka lawatan serta pelayaran, belia-belia kita telah pun terlebih dahulu menjalani orientasi selama dua minggu di Pusat BELIA.

Dalam waktu orientasi inilah mereka diberi taklimat khusus mengenai dengan dasar luar negara kita di samping memperdalam dan memahami konsep kenegaraan Melayu Islam Beraja dengan maksud agar mereka ini dapat menyebarkan kepentingan-kepentingan khusus kita kepada peserta-peserta dari lain-lain negara.

Dalam pada itu sewaktu dalam pelayaran serta di lain-lain rangka kunjungan negara-negara ASEAN dan Jepun, rombongan belia kita

berkesempatan mempersembahkan tarian Anding Rimba, Adai-Adai, Zapin, koir lagu-lagu Brunei serta adat resam perkahwinan orang-orang Brunei di samping mengadakan tiga jenis pameran yang menggambarkan sosio-politik dan sosio-budaya negara kita.

Pameran yang mengandungi maklumat-maklumat mengenai era menandatangani Perlembagaan 1959, era kemerdekaan dan pergerakan belia di negara kita akan tambah mendedahkan pengetahuan peserta-peserta dari lain negara tentang bentuk serta perkembangan negara kita dari aspek sejarah yang memang secara turun-temurun berunsurkan Melayu Islam Beraja. Pameran permainan tradisi seperti permainan pasang, tinting, main simban, main congkak, serta menentengahkan hasil kerja tangan kita seperti gasing, takiding dan tudung dulang memang merupakan suatu kejayaan.

Kita berhasil mendedahkan secara terbuka kepada rombongan belia dari lima negara anggota ASEAN dan Jepun tentang kesultanan serta kemelayuan kita. Kita berhasil tetapi masih ada ruang yang afdal untuk kita ketengahkan sifatnya kita sebagai sebuah negara yang berkonsepkan Melayu Islam Beraja.

TANGGUNGJAWAB DAKWAH ISLAM BUKAN DIPIKUL K'JAAN SEMATA-MATA

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Dalam siri Lawatan Penerangan yang disertai oleh sekumpulan ahli-ahli Persatuan Saudara Baharu dari Daerah Temburong yang diadakan di ibu negara pada Khamis lepas, Pengarah Penerangan yang Dimulikan Pehin Udana Khatib Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman telah mengingatkan orang-orang Islam mengenai kewajipan mereka dalam mengembangkan ugama Islam di negara ini.

Menurut Yang Dimulikan Pehin, tanggungjawab dakwah Islamiyah bukan

Oleh Hanizah Abdullah

semata-mata wajib dipikul oleh Kerajaan bahkan juga wajib ke atas setiap orang Islam menurut kemampuan masing-masing.

Katanya, dakwah Islamiyah antaranya ialah untuk menyebarkan nilai-nilai yang baik yang terkandung dalam ajaran Islam. Penyebarannya itu sudah tentu akan dapat memberi sumbangan bagi keharmonian masyarakat dan kemantapan negara.

Dalam hubungan ini, Pengarah Penerangan telah memuji daya usaha

penubuhan persatuan-persatuan bagi orang-orang yang baru memeluk Islam yang mana akan membantu mereka meneguhkan ke-Islaman masing-masing serta akan membantu dalam sebarang kegiatan dakwah kepada orang-orang yang belum beragama Islam di kampung-kampung pendalaman negara ini.

Terdahulu daripada itu pelawat-pelawat tersebut telah diberikan taklimat berkenaan dengan Konsep Melayu Islam Beraja serta penerangan ringkas berkenaan dengan struktur pemerintahan Negara Brunei Darussalam serta Jabatan Penerangan oleh Pegawai Penerangan di jabatan ini.

Di sebelah petangnya rombongan saudara-saudara baru ini (Mualaf) telah dibawa melawat ke Pusat Dakwah Islamiyah di Pulaie bagi mendengarkan penerangan berkenaan dengan fungsi pusat tersebut serta menyaksikan pameran berkenaan dengan kesan kedatangan Islam ke negara ini.

Pendaftaran kelas trengkas dan menaip dibuka

LAMBAK. — Pendaftaran bagi memasuki kelas-kelas trengkas dan menaip di Sekolah Rendah Kerajaan Datu Mahawangsa, Lambak di sini kini sedang dibuka.

Mereka yang ingin memasuki kelas-kelas tersebut bolehlah mendaftar pada hari Jumaat dan Ahad ini jam 2.00 petang di sekolah tersebut.

Pendaftaran memasuki kelas berkenaan akan ditutup pada hari Selasa 31 Disember 1985. Pendaftaran yang diterima lewat dari tarikh tersebut tidak akan diterima.

Penyampaian hadiah peraduan lukisan

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Majlis penyampaian hadiah bagi peraduan lukisan dan pertukangan tangan bahagian Sekolah-sekolah Rendah Kerajaan di Daerah Brunei dan Muara III telah berlangsung pada hari Isnin lepas bertempat di Sekolah Rendah Kerajaan Kiarong di sini.

Dalam peraduan itu, Sekolah Rendah Kerajaan Bunut telah muncul sebagai juara. Sementara tempat kedua dimenangi oleh

Sekolah Rendah Kerajaan Bengkurong dan pemenang ketiga jatuh kepada Sekolah Rendah Kerajaan Kiarong.

Sejumlah lebih daripada 500 buah lukisan dan pertukangan tangan dari 11 buah sekolah rendah di kawasan tersebut telah menyertai peraduan itu.

Hadiah-hadiah kepada pemenang-pemenang telah disampaikan oleh Awang Haji Abu Bakar bin Mat Salleh, Penolong Ketua Pelajaran Rendah.

MAJLIS BERZIKIR

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Majlis berzikir sempena Hari Keputeraan Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi tahun ini akan diadakan di seluruh negara selama 12 hari bermula hari ini.

Di Daerah Brunei dan Muara, majlis berzikir akan diadakan di Masjid Kampong Beribi dan Masjid Kampong

Kilanas. Majlis tersebut akan bermula jam 7.00 malam. Di Daerah Belait majlis yang sama akan diadakan di Masjid Mohammad Jamalul Alam.

Sementara itu, Perarakan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam akan diadakan serentak di seluruh negara pada hari Isnin, 25 November depan.



SEBAHAGIAN daripada saudara-saudara baru di majlis ramah mesra dengan Yang Dimulikan Pehin Udana Khatib Ustaz Awang Haji Badarudin bin Pengarah Haji Othman, Pengarah Penerangan. — Gambar oleh Ak. Abu Bakar PHO.



GAMBAR ramai saudara-saudara baru (mualaf) Daerah Temburong bersama pegawai dan kakitangan di Pusat Dakwah Islamiyah, semasa persatuan tersebut mengadakan Lawatan Penerangan ke pusat tersebut baru-baru ini. — Gambar oleh Ak. Abu Bakar PHO.

SUMBANGAN PENULIS DIALU-ALUKAN

PIHAK PELITA BRUNEI sangat mengalu-alukan setiap sumbangan yang berupa cerpen, sajak, rencana sastera, esei budaya dan lain-lain lagi yang berhubung dengan kegiatan kebudayaan.

Sehingga kini Pengelola Ruangan Sastera telah menerima karya dari penulis

penulis tanahair dan ini amat membanggakan kita; walau bagaimanapun setiap sumbangan yang dihantar kepada ruangan ini hendaklah ditaip dalam langkau dua baris (double spacing) dan jangan ditaip bersebelahan muka surat, dan hendaklah ditujukan kepada:

Tuan Pengelola, Ruangan

Sastera, Pelita Brunei, Jabatan Penerangan, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam.

Setiap sumbangan karya kreatif yang telah diterbitkan dalam ruangan sastera ini akan dibayar suguhati (honorarium) yang ditetapkan oleh jabatan ini.

240 KARYA LUKISAN DIPAMERKAN

Oleh Ahat Ismail

KOTA BATU. — Sejumlah 240 buah karya lukisan termasuk gambar-gambar dari keenam-enam buah negara ASEAN kini dipamerkan di Balai Pameran Muzium di sini.

Pameran yang bermula pada 4 November lepas itu adalah dihasilkan oleh pelukis-pelukis dan fotografi dari negara-negara ASEAN dan ianya merupakan salah satu projek anjuran ASEAN Committee On Culture Information (ASEAN COCI), yang antara lain bertujuan bagi merapatkan pertalian dan kebudayaan antara negara-negara ASEAN ke arah meningkatkan seni lukis dan seni foto.

Sebenarnya pameran seperti ini telah bermula sejak em-

pat tahun yang lepas di mana kesemua negara-negara ASEAN berpeluang mengadakan pameran di negara masing-masing dan Negara Brunei Darussalam adalah pertama kali menyertai projek pameran seumpama itu.

Pameran selama 20 hari itu, yang akan berakhir pada 24 November depan telah dirasmikan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Sidek bin Yahya.

Sejurus sebelum membuka rasmi pameran itu, Dato

Paduka Awang Sidek melahirkan harapan agar pameran seumpama itu akan merapatkan lagi persefahaman dan persahabatan di kalangan para pelukis dan fotografi negara-negara ASEAN.

Dalam pada itu Dato Paduka menyatakan melalui pameran itu juga sedikit sebanyak akan menambahkan lagi pengetahuan serta pengalaman dalam mempertingkatkan mutu karya masing-masing.

"Saya juga berharap semoga pameran ini akan dapat dijadikan sebagai satu daya pendorong kepada kaum pelukis dan fotografi tempatan untuk lebih berkreaitif dan produktif," ujar Dato Paduka Awang Sidek.

SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Haji Sidek menyaksikan pameran lukisan dan gambar dari negara-negara ASEAN.



PEMANDANGAN dari atas sekitar pameran lukisan dan gambar ASEAN kali ke-4 di Balai Pameran Muzium di Kota Batu.

BRUNEI SERTAI PAMERAN ULANGTAHUN PBB KE-40

BANGKOK. — Perwakilan Negara Brunei Darussalam di Thailand telah turut menyertai satu pameran sempena Sambutan Ulangtahun Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang ke-40 tahun.

Pameran yang berlangsung

pada 23 — 24 Oktober lepas diadakan di Ibu Pejabat UN-ESCAP di sini. Brunei Darussalam telah memamerkan berbagai kerjatangan, gambar dan poster dan buku-buku yang memperkenalkan Negara

Brunei Darussalam.

Antara yang mengunjungi pameran tersebut ialah Menteri Hal-Ehwal Luar Thailand, Tuan Yang Terutama Tuan Siddhi Savetsila.



MENTERI Hal Ehwal Luar Thailand, TYT Tuan Siddhi Savetsila sedang menyaksikan pameran itu. Bersama TYT ialah Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Thailand, TYT Dato Harid Jaafar.

SALAH satu daripada 240 karya yang dipamerkan. Kelihatan di atas salah sebuah dari beberapa buah lukisan yang dihasilkan oleh pelukis dari Malaysia Ali Rahamad (gambar kanan).

PENUNTUT-PENUNTUT sekolah dan orang ramai mengambil peluang untuk sama-sama menyaksikan lukisan dan gambar-gambar yang dipamerkan (gambar atas dan bawah).



YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS.....Siri ke-302

BID'AHKAH MENADAH TANGAN DALAM BERDOA DAN MENYEBUT LAFAZ "TAALA" DAN MENAMBAH SAYIDINA PADA NAMA BAGINDA RASULULLAH SALLALLAHU ALAIHI WASALLAM?



BERKATA Al-Imam An-Nawawi Rahimahullahu Taala : Sangat banyak hadis-hadis Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam menyuruh menadah dua tapak tangan ke arah langit ketika berdoa, ketika bukan dalam sembahyang, dan rahsia menadah tapak tangan ke arah langit itu, kerana langit itu pusat tempat berdoa dan langit itu tempat turun rezeki, dan tempat turun wahyu, dan tempat turun rahmat Allah dan tempat segala berkat dan kemewahan.

Suatu hadis diriwayatkan oleh Al-Imam Ibnu Majah dan Al-Hakim dalam Al-Mustadrak dari hadis sahabat Ibnu Abbas Radhiallahu Anhum berbunyi yang artinya : "Apabila kamu mohon kepada Allah, maka kamu mohon kepada-Nya dengan menadah perut tapak dua tangan kamu, dan jangan kamu minta dengan dua belakang tapak tangan kamu, kemudian kamu sapukan keduanya ke muka kamu."

Ini dia dalil sunat mengangkat dua tapak tangan ke arah langit ketika berdoa di luar sembahyang, kemudian disapukan dua tapak tangan itu ke muka oleh orang yang berdoa itu.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam berdoa tiap-tiap masa bersendirian atau di hadapan sahabat dan dalam khutbah minta hujan dan lain-lain, jadi perkara mengangkat dua tapak tangan dalam ketika berdoa itu suatu perkara yang terang dan nampak dan dilihat oleh sahabat-sahabat Radhiallahu Anhum.

Dan lagi mengangkat dua tapak tangan lepas berdoa dibuat oleh umat Islam dan telah menjadi warisan turun-temurun dari zaman sahabat sehingga zaman kita ini.

Maka orang-orang yang menuduh umat Islam melakukan bid'ah dengan menadah tapak tangan ke langit ketika berdoa di luar sembahyang itu, maka dia orang jahat dan bodoh dan celupur, kerana ia berkata sesuatu dengan tiada ada dalil dan bukti, dosa bodohnya ditanggung olehnya sendiri.

MENYEBUT LAFAZ "TAALA" DALAM DOA :

Lafaz "Taala" itu artinya yang bertambah-tambah ketinggian dan kebesaran, berkata Al-Imam An-Nawawi bahawa lafaz "Azza Wajalla" itu suatu lafaz disandarkan kepada lafaz Al-Jalalah "Allah" iaitu Allah "Azza Wajalla, artinya Allah itu Maha Mulia dan Maha Tinggi dan lafaz "Subhanahu" juga disandarkan kepada Lafdzul-Jalalah "Allah" iaitu Allah

Subhanahu Wataala. Artinya : Allah Yang Maha Suci dari segala kekurangan dan bertambah ketinggian.

Jadi pada memuji dan membesarkan Allah, iaitu Tuhan Yang Maha Esa dan wajib ada yang bersifat dengan segala sifat-sifat yang sempurna dan terpuji, maka kita berkata :

1. Allahu 'Azza Wajalla.
2. Allahu Taala.
3. Allah Subhanahu Wataala.

Ini dia sebutan dan puji-pujian, bila menyebut atau mendengar lafaz Al-Jalalah "Allah" yang dibuat dan diamalkan umat Islam dan menjadi warisan dari awal-awal Islam hingga sekarang.

Maka barangsiapa berkata bahawa menambah lafaz "Taala" dan "Azza Wajalla" dan "Subhanahu Wataala" lepas lafaz Al-Jalalah itu bid'ah (buatan dan kelakuan bukan Islam) maka dia sendiri keluar dari kumpulan dan perbuatan umat Islam, bodohnya balik ke atas tenguknya dan dosanya ditanggung olehnya sendiri.

Berkata Al-Imam An-Nawawi : Sunat disebut "Radhiallahu Anhu" atau Rahimahullahu Taala, apabila menyebut atau mendengar nama-nama sahabat dan Tabi'in dan lapisan bawah daripada kalangan ulama, ahli-ahli ibadat, dan lain-lain orang yang terpilih daripada umat Sayidina Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Jadi kita kata :

1. Sahabat Ibnu Abbas Radhiallahu Anhum (anak dan bapanya).
2. Sahabat Ibnu Umar Radhiallahu Anhum (anak dan bapanya).
3. Al-Imam Ash-Shafie Radhiallahu Anhu.
4. Imam Al-Haramain Rahimahullahu Taala.
5. Al-Imam Al-Ghazali Rahimahullahu Taala.
6. Al-Imam An-Nawawi Rahimahullahu Taala.

Ini semuanya sunat dan pahala dan berkat berkasih-kasih dengan ulama Islam dan orang-orang salih.

ERTI BID'AH :

1. Bid'ah artinya dalam percakapan orang Arab ialah membuat atau mencipta akan sesuatu dengan tiada contoh atau dengan tiada bandingan dahulu padanya. Seperti Allah Taala mencipta alam ini dengan tiada contoh lebih dahulu pada-Nya.
2. Erti bid'ah dalam syarak atau ugama : Suatu perkara yang dibuat oleh orang Islam lepas zaman Rasulullah, padahal perkara itu tiada diketahui dibuat pada zaman Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.
3. Bid'ah dalam syarak

itu terbahagi :

- a. Bid'ah Hasanah (Bagus) atau Bid'ah Mahmudah (Terpuji).
- b. Bid'ah Dhalalah atau Bid'ah Sesat atau Bid'ah Dhallah.
- c. Bid'ah Qabihah atau Bid'ah Buruk.

Bid'ah Hasanah itu suatu perkara yang dibuat oleh orang Islam lepas zaman Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam padahal perkara itu tiada diketahui dibuat pada zaman Nabi, tetapi perkara itu termasuk di bawah dalil khas atau am dari Al-Quran atau dari hadis Rasulullah atau dari ijma' sekata ulama Islam padanya.

Bid'ah Dhalalah atau Bid'ah Dhallah dan Bid'ah Sesat itu suatu perkara yang dibuat oleh orang Islam dan perkara yang dibuat itu menyalahi akan dalil dari Quran atau menyalahi dalil dari hadis atau menyalahi akan ijma' ulama Islam padanya.

Atau Bid'ah Dhalalah atau Bid'ah Sesat itu suatu perkara yang dibuat oleh orang Islam dengan menyalahi akan hukum-hukum syarak dan menyalahi akan dalil syarak yang khas, atau menyalahi akan dalil syarak yang am.

Bid'ah Qabihah atau Bid'ah Buruk atau Bid'ah Makruh itu suatu perkara yang dibuat oleh orang Islam, padahal ada dalil syarak menerangkan perkara itu tiada disukai oleh syarak akan orang Islam membuatnya yakni Makruh dibuat akan perkara itu.

Berkata Al-Imam Ash-Shafie Radhiallahu Anhu : "Tiap-tiap perkara yang dibuat oleh orang, dan perkara itu menyalahi akan hukum Al-Quran, atau menyalahi akan hukum hadis, atau menyalahi ijma' Ulama Islam atau menyalahi Athar atau perjalanan kelakuan sahabat-sahabat Rasulullah. Maka itulah dinamakan dia Bid'ah Salah atau Bid'ah Dhalalah atau Bid'ah Sesat dan tiap-tiap perkara yang dibuat oleh orang padahal perkara itu baik, dan tiada menyalahi sesuatu hukum dari Al-Quran dan Hadis dan ijma' dan athar. Maka itulah dinamakan dia Bid'ah Mahmudah.

Berkata Al-Imam Ibnu Hajar Rahimahullahu Taala : Bid'ah Dhalalah itu sesuatu perkara yang dibuat oleh orang dan perkara itu menyalahi akan hukum-hukum syarak dan menyalahi dalil-dalil syarak yang khas atau dalil syarak yang am.

Bid'ah dibuat oleh orang Islam, padahal Bid'ah itu tiada diketahui berlaku pada zaman Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam. Maka Bid'ah itu adakalanya wajib dibuat, adakalanya sunat dibuat, adakalanya haram dibuat

(Bid'ah Dhalalah) dan adakalanya makruh dibuat, dan adakalanya mubah (harus dan boleh dibuat dan boleh ditinggalkan).

Cara hendak mengetahui sesuatu perkara itu atau perbuatan itu wajib atau sunat atau haram, atau makruh atau mubah hendaklah dihadapkan sesuatu perkara atau perbuatan Bid'ah itu pada hukum syarak tadi pada Al-Quran atau pada hadis atau ijma', maka mana-mana perkara atau perbuatan Bid'ah itu masuk di bawah satu dari hukum syarak yang lima iaitu wajib, sunat, haram, makruh dan harus (mubah) maka masuklah perkara atau perbuatan Bid'ah itu di bawah erti kata hukum itu.

Setengah dari perbuatan Bid'ah yang wajib itu, orang Islam belajar Ilmu Nahu bagi tujuan memahami Al-Quran dan hadis Rasulullah, belajar Bahasa Arab bagi mengenal hukum-hukum Islam, belajar ilmu-ilmu Bahasa Arab, belajar ilmu Tauhid, belajar ilmu Fiqh, belajar ilmu Usul-Fiqh, belajar ilmu Akhlak Islam, belajar ilmu tafsir, belajar ilmu hadis, belajar ilmu Mantiq dan ilmu hisab dan lain-lain seumpamanya bagi memahami ugama Islam dan mempertahankannya, belajar ilmu menolok faham puak Qadariyyah dan Mu'tazilah, puak Jabariyyah, puak Murji'ah dan Muja'ssimah, puak kominis, sosialis, falsafah Timur dan Barat, fikiran-fikiran ekonomi, fikiran-fikiran akhlak yang berlawanan dengan dasar Islam, dan menolak tulisan-tulisan dan fikiran-fikiran orang orientalis bangsa Eropah yang bertenangan dan mengelirukan Islam dan Zionis Yahudi dan Freemassion dan Qadimiyyah dan Crusade dan Mission dan Bahaiyyah dan lain-lain seumpamanya.

Setengah dari perbuatan Bid'ah Dhalalah atau Bid'ah Dhallah atau Bid'ah Sesat atau haram ialah mazhab dan ajaran puak Qadariyyah, puak Jabariyyah, puak Murji'ah, Muja'ssimah yang menjadikan tuhan mereka sebagai patung berhala, dan lain-lain puak yang menyalahi ajaran Ahlis-Sunnah Wal-Jema'ah, yang ketua agung Ahlis-Sunnah Wal-Jema'ah itu Al-Imam Abu Al-Hassan Al-Ash'ri dan Al-Imam Al-Maturidi, mazhab atau ajaran kominis, sosialis, ahli falsafah, ahli ekonomi, ahli akhlak yang mana berlawanan dan bertenangan dengan ajaran dan dasar Islam.

Haram belajar mazhab-mazhab itu dengan tiada lebih dahulu belajar betul akidah Islam dan Ilmu Tauhid, bagi memper-tahankan diri dari pengaruh dan syubhah dan kesamaran yang dibawa oleh ajaran dan

mazhab sesat dan kufur itu.

Bid'ah Dhalalah atau Bid'ah Dhallah atau Bid'ah Sesat haram itu ajaran Qadiyaniyyah, Komimis, Bahaiyyah, Ahmadiyyah, Ismailiah, Taslim, Batiniyyah, Duruz, Daudiyyah, ajaran Senaman Maharishiyya (Yoga) yang mencari ketenangan jiwa dengan berkendak dan bercina semuanya kufur, dan jika orang Islam mengambil ajaran-ajaran itu maka ia telah murtad dan keluar dari ugama Islam dan tercerai isterinya daripadanya kiranya tiada bertaubat dan tiada balik kepada Islam sebelum habis eddah isterinya itu dengan mengucap dua kalimah syahadat dan membuang kepercayaan yang salah dan kufur.

Setengah dari Bid'ah yang sunat mendirikan bangunan sekolah-sekolah ugama, berhimpun di suatu tempat kerana sembahyang Tarawih dalam bulan Ramadan, mendirikan bangunan sekolah pertukangan, sekolah perusahan, sekolah perniagaan, sekolah menengah ugama, kolej tinggi Islam, dan lain-lain bangunan bagi belajar ilmu dan kepandaian yang dihajatkan oleh umat Islam dalam sesuatu tempat dan negeri, rumah-rumah tumpangan dan bangunan hotel dan sebagainya dari perkara hajat hidup dan keselesaan umat Islam hidup dalam dunia ini. Tetapi belajar ilmu Islam dan ilmu kepandaian hidup, dan menjalankannya, adakalanya Fardu Ain dan adakalanya Fardu Kifayah.

Setengah dari Bid'ah yang boleh dibuat dan harus dibuat yakni Mubah seperti bersalam-salaman lepas sembahyang berjemaah, dan bersenang-senang dengan makanan dan minuman dan pakaian, perabot, kenderaan, dan hiburan yang tiada haram dan tiada makruh.

Setengah dari Bid'ah Makruh seperti mengukir masjid, dan menghisap mushaf Al-Quran dengan yang lain dari emas, ada pun dengan emas adalah haram, main catur dengan tiada bertaruh wang dan tiada melalaikan dari sembahyang, adalah makruh, dan jika dengan bertaruh atau melalaikan sembahyang adalah haram.

Biasanya orang Ahlis-Sunnah Wal-Jemaah dan pengikut-pengikut mazhab yang empat — Hanafi, Maliki, Shafie dan Hambali, jika mereka berkata Bid'ah itu maka mereka kehendakkan dengan Bid'ah Dhallah atau Bid'ah Dhalalah, bagaimana kata Al-Imam Ibnu As-Salah bahawa Bid'ah (Bid'ah Dhalalah) itu ialah rosak atau salah pada akidah di dalam sesuatu dasar dari dasar-dasar Islam sebagaimana salah akidah puak Mu'tazilah dan

puak Shi'ah dan puak Khawarij dalam sesuatu dasar dari dasar Islam, bagaimana puak Mu'tazilah berkata : Manusia ini menjadikan sendiri akan perbuatannya, dan puak Shi'ah yang sangat-sangat kasihkan Sayidina Ali Karamallahu Wajhah dengan menghina-hinakan lain-lain sahabat Radhiallahu Anhum dan puak Khawarij yang bencikan sangat-sangat akan Sayidina Ali Karamallahu Wajhah dan menganggap siapa orang Islam melakukan dosa besar, maka ia telah menjadi kafir.

Bagi mengetahui salah pendapat puak-puak itu, maka bolehlah orang Islam belajar dan membaca kitab Tauhid yang membahas dan menerangkan kesalahan dan kesamaran faham mereka dan keluar faham mereka dari punca atau dari asal atau dari dasar Islam, yang berasal dari Al-Quran dan Hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan ijma' umat Islam.

Orang Islam awam hendaklah mengaji dan menderas dan belajar ilmu Tauhid dan ilmu Fiqh dalam bahagian ibadat, mu'amalat jual-beli dan sebagainya dari perkara perhubungan hidup; Munakahat perkara nikah kawin dan jinayat perkara menceroboh hak manusia, dan kadha perkara bagaimana menyelesaikan perbalahan di antara manusia sesama manusia itu. Ini dibaca dan belajar seperti kitab Matla'ul-Badrain yang mengandungi ilmu Tauhid dan akidah Ahlis-Sunnah Wal-Jema'ah dan perkara hukum-hukum Fiqh dalam semua bahagian Fiqh menurut qaul yang muktamad dan sah dan yang dipakai dan diterima oleh ulama dan lain-lain kitab seperti Sabilul-Muhtadin dan Kashful-Litham dan Hidayatus-Salikin semuanya dalam bahasa Melayu dan lain-lain kitab dalam bahasa Arab yang berkenaan dengan Tauhid seperti kitab Al-Aqidah As-Sanusiyyah dan Kifayatul-Awam dan berkenaan dengan Fiqh seperti Fathul-Qarib dan Al-Yaqutun-Nafis dan Al-Iqna'.

Ini semuanya belajar daripada guru-guru yang mengerti dan mursyid di dalam ilmu Tauhid dan Fiqh.

Apabila orang Islam telah membaca atau belajar kitab-kitab seperti yang disebutkan tadi, maka ia akan dapat menentukan hukum Islam yang benar pada sesuatu perkara itu dan ia tiada mudah dipengaruhi oleh orang-orang yang suka menyalahkan umat Islam dengan berkata mereka berbuat Bid'ah, padahal Bid'ah itu ada bermacam-macam, dan Bid'ah yang salah itu ialah Bid'ah yang salah pada



KADI Daerah Belait, Awang Haji Salim bin Haji Besar ketika menyampaikan derma tersebut kepada Dayang Maya, dengan disaksikan oleh pegawai-pegawai di Jabatan Hal Ehwal Ugama, Belait dan dua orang penduduk Kampong Lumut. (Gambar ihsan: Jabatan Hal Ehwal Ugama, Belait)

MUIB hulurkan bantuan

KUALA BELAIT. — Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) baru-baru ini telah memberikan derma bantuan kepada seorang balu dari Kampong Lumut di Daerah Belait Dayang Maya binti Ahmad.

Derma yang berupa wang

tunai berjumlah \$1,064.25 itu telah disampaikan oleh Kadi Daerah Belait, Awang Haji Salim bin Haji Besar dengan disaksikan oleh Awang Haji Johari bin Haji Omar Ali, Pembantu Kanan Pengelola Baitulmal, Zakat dan Fitrah Daerah Belait dan pemban-

tunya. Awang Ibrahim bin Haji Metali.

Wang tersebut adalah bagi membantu Dayang Maya untuk membina rumahnya berdekatan dengan tapak rumah lamanya di Kampong Kuala Lumut.

Penduduk Kg. Lambak disaran sertai kempen kebersihan

BERAKAS. — Penduduk-penduduk Kampong Lambak Kanan, Lambak Kiri, Terunjing dan sekitarnya dikehendaki menyertai kempen kebersihan di kampung berkenaan pada 17 November depan.

Menurut Pengerusi Jawatankuasa kempen

tersebut, kempen itu akan diadakan dalam dua peringkat iaitu peringkat pertama diadakan pada 15 dan 16 November ini, di mana dalam peringkat ini para penduduk di kampung berkenaan dikehendaki membersihkan kawasan halaman rumah masing-masing.

Manakala bagi peringkat kedua iaitu pada 17 November para peserta kempen dikehendaki berkumpul di Sekolah R.K. Datu Mahawangsa. Di sini nanti mereka akan dibahagikan kepada tiga kumpulan, iaitu kumpulan pertama akan membersihkan dari kawasan Sekolah Datu Mahawangsa menuju ke Pantai Berakas hingga ke Batu 8½, kumpulan kedua membersihkan dari kawasan Sekolah Datu Mahawangsa menuju ke bandar hingga ke Sekolah Inggeris Berakas dan kumpulan ketiga membersihkan dari Kuala Simpang Jalan Terunjing ke Kampong Terunjing kemudian berpatah balik ke Jalan Bedil.

Tujuan kempen tersebut selain daripada menyahut seruan pihak penganjur di samping menanamkan semangat bertanggungjawab pada mengekalkan alam sekitar yang bersih, ianya juga bertujuan bagi menyatupadukan tenaga dan fikiran dalam melaksanakan sesuatu perkara yang berkebaikan di samping mengeratkan lagi tali silaturahim di kalangan peserta kempen.

baginda Rasulullah seperti Sayidina Muhammad, maka ulama tiada berkata menyandarkan kepada nama Baginda Rasulullah suatu perbuatan Bid'ah yang salah atau Bid'ah Sesat atau menyandarkan itu menjadi suatu dosa, kerana menyandarkan lafaz "Sayidina" itu, sebab menghormati dan memulia dan membesarkan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam disuruh dan digalakkan dalam Islam. Cuba lihat kitab-kitab ulama maka mereka menyebut Sayidina sebelum nama Baginda Rasulullah maka perbuatan ulama Islam dari zaman bersejuta hingga sekarang suatu dalil bahawa tiada salah dan tiada Bid'ah Sesat pada menyebut Sayidina Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam itu, kerana Rasulullah telah menyatakan bahawa umat Islam tiada akan sekata membuat perkara sesat.

Dari sebab itu ulama Ahlis-Sunnah Wal-Jemaah daripada mazhab yang empat tiada menuduh ulama yang salah dalam usahanya dan carinya dalam perkara masalah ibadat, atau mu'amalat atau munakahat atau jinayat atau keputusan bicara dalam suatu perkara, dengan dia telah menjadi Ahli Bid'ah atau membuat Bid'ah.

Menambah perkataan "Sayidina" lepas nama Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bukan Bid'ah. Perkataan "Sayidina" disandarkan kepada nama

WALLAHUAKLAM.

PEROLEHI DIPLOMA DALAM PENGURUSAN KESELAMATAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dua lagi pegawai dari Jabatan Pasukan Bomba baru-baru ini telah memperolehi Diploma dalam Pengurusan Keselamatan (Dip SM) setelah berjaya menjalani kursus sepuluh minggu di kapal latihan, St. Katharine di Tower Bridge, London.

Awang Mohammed Salleh bin Nayan, Pegawai Kanan Bomba dan Awang Mohd. Said bin Taib, Pegawai Bahagian di Jabatan Pasukan Bomba adalah di antara 29 orang peserta kursus yang menerima Diploma Antarabangsa mereka dari James Tye, Pengarah Am di Majlis Keselamatan British.

Penganugerahan diploma telah berlangsung di Royal Over-Seas League di Central London bagi 29 orang peserta yang mewakili 14 buah negara, termasuk India, Turki, Arab Saudi, Hong Kong dan Colombia.

The Rt. Hon. Sir Geoffrey Howe, Setiausaha Negeri bagi Hal-Ehwal Luar dan Komanwel berharap agar para peserta menggunakan pengetahuan yang mereka perolehi di kursus itu dengan sebaik-baiknya bagi negara masing-masing. Antara yang hadir di majlis itu ialah Mario Ramirez dari Kedutaan Colombia, Rajeev Mitter, Setiausaha I di Pesuruhjaya Tinggi India ke London dan Saud Abdul Al-Raisi dari Ataci Kebudayaan, Kedutaan Kesultanan Oman.



AWG. Mohd. Saad Taib (atas) dan Awg. Mohd. Salleh Nayan sedang menerima anugerah Diploma Antarabangsa dalam Pengurusan Keselamatan dari James Tye, Pengarah Am di Majlis Keselamatan British.

Angka tunjuk bulan Sept.

BANDAR SERI BEGAWAN.

Unit Perancang Ekonomi baru-baru ini telah mengeluarkan Angka Tunjuk Harga Barang-barang Pengguna bagi bulan September 1985, yang mana dalam bulan tersebut lebih tinggi 146.5 mata bersamaan 0.1 peratus dari angka tunjuk bagi bulan Ogos, 1985.

Jika dibandingkan dengan angka tunjuk bagi bulan September tahun lepas, angka tunjuk bagi bulan September tahun ini adalah lebih tinggi sebanyak 1.7 peratus.

Kenaikan angka tunjuk bulan tersebut adalah disebabkan oleh kenaikan angka-angka tunjuk kumpulan-kumpulan 'Makanan dan Pakaian', Kasut dan lain-lain. Sementara angka-angka tunjuk kumpulan-kumpulan lain adalah masih tetap tidak berubah.

Perkara perkara yang menyebabkan kenaikan angka tunjuk kumpulan 'makanan' ialah ikan tenggiri, ikan merah, bakulan, bilis dan ketam kalok, sayur-sayuran (terong) dan lain-lain makanan termasuk barang-barang awetan (serbuk kari).

Sementara perkara yang menyebabkan kenaikan angka tunjuk kumpulan 'pakaian', kasut dan lain-lain ialah pakaian sedia (baju singlet).

PERADUAN MENCIPTA LOGO

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Laut akan mengadakan peraduan men-cipta logo bagi jabatan ini.

Orang ramai yang ingin menyertai peraduan tersebut bolehlah mendapatkan borang penyertaan dan

keterangan lanjut dari Pejabat Laut di Bandar Seri Begawan dan di Kuala Belait, dan hendaklah dikembalikan tidak lewat dari 5 Disember depan.

Pemenang peraduan itu nanti akan menerima hadiah wang tunai sebanyak \$200.00.

Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 13 November, 1985 hingga ke hari Selasa 19 November, 1985 adalah seperti di bawah ini: —

HARI BULAN	ZUHUR		ASAR		MAGHRIB		ISYAK		IMSAK	SUBUH		MATAHARI TERBIT
	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir		Mulai	Berakhir	
November												
13-15	12.11	3.28	3.29	6.06	6.07	7.21	7.22	4.49	4.35	4.50	6.06	6.07
16-19	12.12	3.29	3.30	6.07	6.08	7.22	7.23	4.51	4.37	4.52	6.07	6.08

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit pada tiap-tiap waktu. Sembahyang Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.



DEWAN Muhibah berbentuk tradisi Melayu ini boleh menampung 1,500 orang penonton. — Gambar oleh Ak. Bakar PHO.



PEMANDANGAN dari Udara kompleks bangunan Jabatan Pertanian dan Daerah di Lapangan Terbang Lama Berakas. — Gambar oleh Ak. Bakar PHO

BANGUNAN BARU JABATAN DAERAH DAN PERTANIAN

Oleh Ahat Ismail

Bahagian bawah blok Jabatan Pertanian antaranya mengandungi kemudahan stor dan bengkel, bahagian agriculture publicity and liaison, bahagian pavalin gambar dan studio, bahagian perkembangan pertanian, serta bahagian biji benih dan stor barang barang.

Sementara di tingkat atasnya terdapat bilik persidangan, pentadbiran perustakaan, dan bahagian tanaman serta kebun.

Manakala blok bagi Jabatan Daerah juga mempunyai dua tingkat bangunan. Bahagian bawah ditempatkan untuk bahagian pentadbiran, melesen, kewangan dan refuse collecting and home numbering. Di tingkat atasnya pula ialah


bahagian teknikal, perkara nian, pentadbiran dan bilik bilik bagi Pegawai Daerah dan penolongnya.

Selain daripada itu, kompleks kedua-dua jabatan berkenaan juga dilengkapi dengan sebuah surau yang boleh memuatkan antara 40 hingga 50 jemaah, di samping sebuah kantin yang boleh menampung sejumlah 300 orang pelanggan.

JABATAN Pertanian dan Daerah kini mempunyai bangunan baru yang terletak di kawasan bekas lapangan terbang lama Berakas, di mana terdapat sebahagian besar jabatan-jabatan dan Kementerian Kementerian ditempatkan.

Menurut jurucakap JKR, projek pembinaan jabatan ini bermula pada bulan September 1983 di atas tanah seluas 67 ribu kaki persegi dengan menelan belanja sebanyak 9.5 juta ringgit.

Kompleks itu mengandungi dua buah blok dan sebuah dewan besar yang terletak di tengah-tengah antara kedua jabatan. Dewan yang dinamakan Dewan Muhibah ini boleh menampung sejumlah 1,500 orang penonton dalam satu satu acara. Ianya dilengkapi dengan pelbagai kemudahan termasuk sebuah pentas khas dan bilik-bilik persalinan peserta. Dewan tersebut telah mula digunakan semasa Seminar Kepimpinan Penghulu penghulu, Ketua-ketua Kampong dan Ketua ketua Rumah Panjang pada hari Ahad lepas.



KAWASAN dalam yang terdapat di dalam Dewan Muhibah. — Gambar oleh Haji Sharbini Taha.



KAWASAN Tepi Jabatan Pertanian (gambar atas) Gambar oleh Haji Sharbini Taha.

KOMPLEKS PASUKAN BOMBA BERHARGA \$5 JUTA

Oleh Abd. Karim HAB

HASRAT yang sekian lama terpendam untuk mempunyai sebuah ibu pejabat yang selesa dan mampu beroperasi lebih berkesan kini sudah menjadi kenyataan.

Bahagian Pentadbiran Jabatan Pasukan Bomba yang dulu ditempatkan di Balai Bomba Bandar Seri Begawan telah berpindah ke bangunan ibu pejabat baru di Lapangan Terbang Lama, Berakas, lima bulan lalu.

Bangunan yang menelan belanja kira-kira \$5 juta itu mula dibina dalam tahun 1983 bertujuan menyediakan ibu pejabat baru disebabkan kedudukan ibu pejabat dahulu yang tidak lagi sesuai, iaitu berdepanan dengan Jalan Tutong yang

sentiasa sibuk dengan lalu-lintas dan keadaan sekitar kawasan yang semakin sempit dengan pertambahan kenderaan pasukan itu.

Bangunan baru terletak bersebelahan dengan Jabatan Percetakan Kerajaan, setakat ini menampung 97 orang pegawai dan kakitangan bomba dan dilengkapi dengan kemudahan sebuah dewan serba guna, balai bomba, bengkel rumah pengawal, bangunan menara, tempat letak kereta, bilik persidangan, perpustakaan dan lobi.

Menurut jurucakap Jabatan

Bomba, dengan adanya ibu pejabat baru itu, segala panggilan kecemasan dari seluruh daerah dipusatkan ke sana dan seterusnya disambungkan ke balai-balai bomba yang berhampiran dengan tempat kebakaran atau kecemasan berlaku.

Balai Bomba Bandar Seri Begawan kini menjadi Ibu Pejabat Pasukan Bomba Kawasan A bagi Daerah Brunei-Muara dan Temburong. Masa ini ia mengendalikan panggilan kecemasan di bahagian sekitar Bandar Seri Begawan hingga ke Jalan Simpang Gadong dari Balai Bandar Seri Begawan hingga ke Batu 15 Jalan Tutong dan dari Balai Bomba hingga ke Batu 8 Jalan Kota Batu.



PEMANDANGAN dari udara kompleks bangunan Jabatan Pertanian dan Daerah di Lapangan Terbang Lama Berakas. — Gambar oleh Ak. Bakar PHO.

TANGAH Kiah letih hari ini, walaupun dia pulang awal dari biasa. Tangannya terasa lenguh kerana melawan arus. Kalau pulang kebetulan air pasang memang susah. Dia berkayuh agak kuat dan pengayuh terpaksa dibenamkan ke air dalam sedikit. Kemudian disusuli riak air memecah di buritan perahu. Ini menjadikan lajak perahu akan laju. Urat di tangan pun akan terasa tegang.

Perahu Tangah Kiah sudah lima tahun digunakannya. Terdapat sumpak sedikit di caruk. Warna kekuningan cat perahu itu malap cuma tarisnya agak cerah sedikit. Perjalanannya lambat teringsut-ingsut. Ombak menampar-nampar di bibir perahu. Kadang-kadang air memercik ke dalam ruang. Perahunya timbul tenggelam mengikut alunan ombak Sungai Brunei.

Dalam perahu itulah dia membawa berbagai jualan belacan dan berbagai jenis ikan. Ada ikan rumahan, bilis, kuasi, kembura, tamban, kurau, belanak, udang dan udang galah. Kemudian dia akan berlabuh di bawah jambatan tempat orang turun naik berhampiran Dermaga Kastam. Di sinilah Tangah Kiah menunggu pelanggan.

Begitulah kerja yang dilakukan setiap hari. Bukan sehari dua dia berbuat begitu, malah sudah belasan tahun. Kalau tak ilap, Tangah Kiah sudah mula menjalankan perniagaan itu sejak dia berumur empat puluh tahun setelah ibunya meninggal. Dialah penyumbang kerja warisan. Dia tidak malu memakai sarung padian menutup kepalanya buat pelindung dari hujan dan panas.

Kadang-kadang bila dia malas untuk menyeberang ke tebing Bandar Seri Begawan dia hanya akan berkayuh menjaja jualan dari rumah ke rumah di persisiran kampung. Sambil itu dia meneriakkan ikan jualan.

"Ikan! Ikan! Kembura, kuasi" suara Tangah Kiah lantang di pagi itu. Setelah itu datangnya seorang dua menjenguk di pantaran rumah sambil melambai. Tangah Kiah akan berkayuh secepat mungkin ke arah pelanggannya. Perahunya perlahan merapat di tangga.

"Kuasi kita?"

"Jualiku kembura."

Tangah Kiah pun menimbang lalu ikan itu diberikan pada pelanggannya.

"Terima kasih dang."

"Sama-sama," jawab Tangah Kiah sambil senyum menampakkan giginya yang telah ronggak.

Kini Tangah Kiah menyandarkan belakangnya di sudut serambi rumahnya. Pandangannya menghala ke sungai. Sungai Brunei sudah tidak punya ketenangan langsung. Dulu masa dia masih remaja sungai itu tenang. Kalau pun ada hanyalah sesekali dari ombak kapal yang masuk ke Dermaga Kastam atau dari tiupan angin. Enjin motor sangkut boleh dikatakan belum ada. Perhubungan penduduk Kampong Ayer ketika itu hanyalah jumpung sejenis sampan yang lebih kecil berbentuk panjang dan boleh memuat untuk seorang atau paling banyak dua ke tiga orang saja.

Kini ombak sudah tidak menentu. Kurang bijak memandu boleh jadi karam. Lagi pula ada pemandu tidak bertimbang rasa. Sesekali timbul juga cemas di hati Tangah Kiah. Walaupun menyeberang sungai itu sudah terbiasa baginya. Pernah suatu ketika perahunya hampir karam kerana dipukul ombak hasil dari deruan yang datang dari hadapan dan yang satu lagi dari belakang. Air sudah setengah ruang. Dia membuang air dengan timba. Berpuluh kali timba baru air di perahunya berkurangan. Kemudian dia meneruskan perjalanannya ke rumah. Ketika itu hari beransur gelap cuma terdapat garis-garis merah di langit. Sejak dari peristiwa itu Tangah Kiah tidak lagi mahu pulang sehingga senja paling lewat pukul lima setengah dia sudah berada di rumah.

ruangan Gastero

Walaupun pendapatannya kurang sedikit tapi itu tak apa, yang penting keselamatan terjamin.

"Mama sudah mandi?" tiba-tiba suara lantang dan bersopan dari dapur. Tangah Kiah kaget. Kenangan masa silamnya hilang dengan tiba-tiba.

"Belum."

"Mama mandilah cepat nanti air tutup. Masa ini air dicatu. Pukul sembilan tutup," gadis lapan belas tahun dan dalam tingkatan lima itu menapak masuk ke bilik ibunya.

"Mama mandilah cepat!" ulangnya lagi.

Tangah Kiah bingkas lalu ke bilik mandi. Selesai mandi dia sembahyang maghrib. Setelah menunaikan kewajibannya kepada Allah, Tangah Kiah berasa lega. Fikirannya tenang setenang air di tasik. Selagi dia belum sembahyang dia



merasakan bagaimana menanggung hutang, belum dibayar belum senang hati.

Sembahyangnya sekarang sudah tidak luput waktu. Jika ada majlis-majlis ugama dia akan datang awal-awal lagi. Perkara berkebaikan jarang ditinggalkan. Suka duka di kampungnya, pasti wajahnya ada di majlis itu kecuali ada keuzuran menghalang dia pergi.

Tangah Kiah berbaring merehatkan badannya di atas tilam bercadangan kain batik buatan Indonesia. Kain itu hadiah dari anak sulungnya, Ibrahim. Kain itu dibeli anaknya ketika melawat Indonesia setahun lalu. Dalam keadaan berbaring, Tangah Kiah membaca Surah Yasin. Malam itu malam Jumat. Dia tidak merelakan malam itu berlalu begitu saja tanpa membuat apa-apa. Walau bagaimana sibuk sekalipun pasti dia meluangkan masa untuk membaca. Biar sekali khatam, membaca Surah Yasin itu pun Tangah Kiah sudah merasa puas. Hatinya akan tenang. Walau maut menjemputnya ketika itu dia rela. Serela Nabi Ibrahim mengorbankan anaknya Nabi Ismail. Tak cukup itu sekali dia beramal hingga jauh malam dengan berwirid. Seolah-olah dia merasakan dia akan dimatikan keesokan hari.

Ketenangan cuma beberapa jam. Selepas itu entah apa sebabnya fikirannya terganggu. Seolah-olah ada suara yang pernah didengarnya dulu muncul kembali.

"Kiah, ibu dah tua nak berkayuh pun rasa tak larat. Ibu harap kau lah meneruskan kerja aku," tidak dijemput kata-kata itu memenuhi kenangan Tangah Kiah. Mendadak sekali ingatannya tergambar peristiwa yang telah lama berlalu. Ketika itu ibunya sedang terbaring sakit di atas tilam yang agak kusam. Baunya pun dah hapak, kerana dah tiga bulan tidak berjemur semenjak ibunya menghidap sakit tua.

"Kau teruskan kerja padian itu."

"Ya mak, Kiah akan tunaikan permintaan mama itu."

Kerana itulah Tangah Kiah meneruskan usaha ibunya hingga kini. Dia masih ingat sewaktu mula mengambil alih tugas ibunya dia merasa malu dan canggung. Dia belum biasa memakai sarung padian besar yang diperbuat dari daun nipah. Bentuknya seakan tudung dulang tapi ia lebih besar. Suaranya sumbang ketika meneriakkan barang dagangan. Tangan terasa lenguh dan letih kerana belum biasa berkayuh hingga berjam-jam lamanya. Kadang-kadang dia berkayuh dari Kampong Pandai Besi hingga ke Kampong Saba. Walaupun semasa berkayuh itu singgah di beberapa buah rumah. Sepanjang laluan pada hari pertama dia menjaja jualan, dia merasakan setiap mata memandang ke arahnya seakan mengejeknya.

Terniat juga di hatinya untuk tidak meneruskan kerja itu, tapi bila memikirkan tiada siapa yang boleh meneruskan kerja warisan keluarganya dia mematahkan niatnya. Ditambah lagi arwah ibunya mengharap sangat padanya untuk meneruskan pekerjaan itu. Sekarang kerja itu dah sebatu dengan jiwanya bagaikan isi dengan kuku. Betul kata orang-orang tua alah bisa tagal biasa.

"Kalau aku dah tak larat siapa pula meneruskan kerjaku ini?" tanyanya dalam hati.

"Takkan mau si Juriah tu. Lagipun dia masih muda. Dah tu pula masih bersekolah. Betul juga jadi padian ni cuma kerja orang-orang tua. Kalau ada pun dah empat puluhan umur mereka." Fikiran Tangah Kiah bertelegah sesama sendiri.

"Kau jangan lupa Juriah, kerja padian tu kerja warisan nenek moyang kita. Menurut cerita padian ni sama wujudnya dengan Kampong Ayer. Jadi kalau mama tak teruskan siapa lagi?"

Juriah diam. Dalam hatinya terasa juga kebenaran kata-kata ibunya itu. Tapi buat masa ini dia agak keberatan untuk mewarisi kerja itu. Tidak tahulah bila dia sudah tua, mungkin fikiran Juriah berubah. Hanya masa yang menentukannya.

"Kalau tengok sekarang berapa kerat saja lagi yang tinggal. Boleh dihitung dengan jari. Kalau mama dan yang lain tak larat meneruskan, padian akan pupus ditelan zaman. Apa kau rela kerja warisan kita hilang tanpa pembelaan." Juriah diam. Tangah Kiah batuk lagi. Juriah mengurut kembali sambil berkata dalam hatinya:

"Keras sungguh hati orang tua ni."

Batuk Tangah Kiah kian keras. Dia baring kemudian tidur. Besok, dia akan bangun untuk meneruskan kerjanya selaku seorang padian.

BRUNEI DARUSSALAM DALAM KENANGAN

KEBAWAH D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan Ahmad Tajuddin Khairi Wadin ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam telah dipuspaikan sebagai Sultan Brunei yang ke 27 pada tahun 1950. Istiadat perpuspaan Baginda yang berlangsung itu telah dihadiri oleh para jempunan luar dan dalam negeri. Di antara para pembesar luar negeri terkenallah Kebawah D.Y.M.M. Sultan Selangor, TYT Rajah Sarawak, TYT Governor Borneo Utara dan lain-lainnya.

Di istiadat perpuspaan Baginda itu satu perutusan telah dari Kebawah D.Y.M.M. Raja England telah dibacakan yang telah berkenan menganggrahkan bintang kebesaran The Honorary Companion of The Order of St. Michael and St. George ke hadapan Majlis Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan Ahmad Tajuddin Khairi Wadin.

Seberulnya, Baginda telah menaiki takhta Kerajaan Negeri Brunei pada tahun 1924, iaitu setelah mangkatkan ayahanda Baginda Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan Hashim Jamalul Alam.

Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan Ahmad Tajuddin Khairi Wadin telah mangkat pada tahun 1950 setelah memerintah Negeri Brunei selama 26 tahun.

TOLEH PANDANG PELITA BRUNEI

PELITA BRUNEI keluaran 15 April 1964 telah merakamkan bahawa beribu-ribu orang dari berbagai-bagai bangsa membanjiri Lapangan Terbang Brunei pada petang hari Khamis 9 April 1964 untuk mengucapkan "Selamat berangkat mengelilingi dunia" kepada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin (selarang dikenali sebagai Kebawah Duli (Yang Maha Mulia) Maulana Paduka Seri Bagawan Sultan Jeneral Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien, Menteri Pertahanan, Negara Brunei Darussalam) dan rombongan serta juga mengucapkan "Selamat melanjutkan pelajaran di United Kingdom" kepada Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Hassanul Bolkiah (sekarang Kebawah Duli (Yang Maha Mulia) Maulana Paduka Seri Bagawan Sultan Jeneral Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien, Menteri Pertahanan Negara Brunei Darussalam) telah diiringi oleh beberapa orang pegawai-pegawai kerajaan, pegawai-pegawai Istana dan Yang Amat Mulia Pengiran Pekerma Indera Haji Mohamed.

Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam) dan juga kepada Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Muda Mohamed Bolkiah (sekarang Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri).

Dan Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan (kini Kebawah Duli (Yang Maha Mulia) Maulana Paduka Seri Bagawan Sultan Jeneral Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien, Menteri Pertahanan Negara Brunei Darussalam) telah diiringi oleh beberapa orang pegawai-pegawai kerajaan, pegawai-pegawai Istana dan Yang Amat Mulia Pengiran Pekerma Indera Haji Mohamed.

Dalam perjalanan ke London, Duli Yang Maha Mulia telah diiringi oleh Yang

Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Hassanul Bolkiah dan adindanya Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Muda Mohamed Bolkiah.

Selain dari itu seorang anakanda Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha Indera Yang Amat Mulia Pengiran Anak Yusof (kini Yang Amat Mulia Pengiran Mahawati Lela Sahibul Kahar Pengiran Anak Haji Mohd Yusof) yang dijemput oleh istiadat dan Yang Mulia Awangku Kamaruzzaman (kini Yang Amat Mulia Pengiran Negara Indera Pengiran Anak Kamaruzzaman) anakanda Pemangku Menteri Besar Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Ali bin Pengiran Haji Mohd. Daud) telah juga berangkat ke England untuk melanjutkan pelajaran.

Di antara pembesar-pembesar negara yang telah berangkat ke Lapangan Terbang Brunei untuk mengucapkan "selamat berangkat ke luar negeri" kepada Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dan Puan Puan Baginda ialah Puan Puan Tinggi Keruan Inggeris di Brunei Y.T.T. Awang Haji Laili Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Daulah, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha, Pemangku Menteri Besar Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Ali bin Pengiran Haji Mohamad Daud; Setiausaha Kerajaan Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Yusof (kini Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohd. Yusof), ketua-ketua jabatan kerajaan; Abli-Ahli Majlis Mesyuarat Diraja, Kerajaan dan Negeri.

KEBUDAYAAN DAN HUBUNGANNYA DENGAN KESUSASTERAAN

oleh : A.B. Ahmad

SEBELUM kita membicarakan lebih jauh apa itu kebudayaan, dan apa itu culture serta hubungan kebudayaan itu dengan kesusasteraan, ada baiknya disentuh dahulu perkara-perkara yang berhubungan rapat dengan pengertian kebudayaan itu.

Menurut etimologi, kebudayaan merupakan kata-jadian yang berasal dari akar kata "budaya" yang mendapat awalan ke dan akhiran an. Kata kebudayaan itu sendiri berasal dari kata Sanskrit atau Sanskrit, iaitu Buddhaya. Buddhaya, adalah bentuk kata jamak dari kata Buddh, yang bererti "budi atau akal".

Adapun kata culture itu yang merupakan kata asing yang ertinya sama dengan kebudayaan. Culture berasal dari kata Latin, Colere yang bererti "mengolah, mengerjakan" terutama mengolah tanah atau bertani. Dari erti ini berkembang erti culture itu sebahagian dari aktivitas manusia untuk mengolah dan merubah alam.

Budaya kependekan dari dua kata budi-daya. Dalam kehidupan kata-kata, sering terjadi proses perubahan erti dan perubahan bentuk. Perubahan bentuk di antaranya dengan hilangnya satu atau dua huruf atau sukukata, misalnya, perkataan Melayu; pada asalnya, Malayapura menjadi Malayura dan akhirnya menjadi Melayu. Begitulah keadaan seperti ini juga dengan kata budaya itu pada kejadian asalnya.

Jika menurut susunan kata-kata Sanskrit, budaya itu bentuknya budi-daya. Tetapi mengikut hukum bahasa, susunan itu menjadi daya-budi. "Daya" bererti tipu, godaan, ikhtiar, tenaga, muslihat dan "Budi" bererti akal, fikiran, watak, kebijaksanaan, maksud yang mulia. Maka kebudayaan menurut erti harfiah, ialah hal-hal dari muslihat fikiran atau hasil dari tenaga fikiran.

Masyarakat selalu bertanggapan, kebudayaan diidentikkan dengan kesenian, kadang-kadang diperluaskan dengan kebiasaan, adat istiadat, hal-hal yang unik sebagai milik sendiri. Pengertian sedemikian adalah terlalu sempit, yang mana datangnya dari fikiran dan pandangan orang-orang awam tentang makna yang dicakup oleh kebudayaan itu sendiri.

Kebudayaan bukan hanya meliputi satu dua faset kehidupan manusia, tetapi seluruh segi kehidupannya.

Ada terdapat definisi yang dikemukakan oleh sarjana-sarjana tentang kebudayaan itu, baik sarjana-sarjana dari ilmu-ilmu antropologi, psikologi, sosiologi, ilmu filsafat, ilmu sejarah dan lain-lain. Maka untuk mencari satu definisi yang dapat

Sosial bermakna jalinan hubungan individu dengan individu, individu dengan masyarakat, masyarakat dengan masyarakat, termasuk di dalam kebiasaan adat, hukum, kekerabatan, bahasa dan lain-lain.

Ekonomi bermaksud usaha, pekerjaan, kerajinan, kegiatan, cara sistem lembaga, organisasi dalam mengerjakan, mengadakan

BUDAYA kependekan dari dua kata budi-daya. Dalam kehidupan kata-kata, sering terjadi proses perubahan erti dan perubahan bentuk. Perubahan bentuk di antaranya dengan hilangnya satu atau dua huruf atau sukukata, misalnya, perkataan Melayu; pada asalnya, Malayapura menjadi Malayura dan akhirnya menjadi Melayu. Begitulah keadaan seperti ini juga dengan kata budaya itu pada kejadian asalnya.

diketengahkan, memang bukan satu perkara yang kepalangtanggung. Kroeber dan Kluckhohn dua orang Sarjana Antropologi telah menghimpunkan lebih dari 160 macam definisi tentang faham kebudayaan, dari pengarang-pengarang dan sarjana-sarjana dalam buku mereka "Culture, A Critical Review of Concepts and Definition". Namun demikian, dalam membataskan pengertian kebudayaan yang luas dan kabur itu, perlu kita konkritkan dalam satu definisi. Oleh itu datallah kita ertikan kebudayaan itu sebagai cara berfikir dan cara merasa dari sekelompok manusia yang membentuk kesatuan sosial, yang menyatukan diri dalam seluruh segi kehidupannya dalam suatu ruang dan suatu waktu.

Terdahulu telah disentuh, kebudayaan mencakupi seluruh faset kehidupan manusia. Apa-apakah segi kehidupan itu? Antaranya sosial, ekonomi, politik, pengetahuan, kesenian, filsafat dan ugama.

dalam rangka produksi, distribusi dan konsumsi barang-barang.

Politik bermaksud pembentukan dan sosial sebaiknya menurut cita tertentu, termasuk dalamnya lembaga organisasi dan aktivitas kenegaraan, pemerintahan dan lain-lain.

Pegetahuan, semua pengalaman, penemuan dan pendapatan yang menjadi milik fikiran, disimpan dalam lambang-lambang vokal atau tertulis dan cara-cara untuk mewujudkan pengetahuan itu, iaitu dari abstrak menjadi konkrit.

Kesenian, usaha, pekerjaan, aktivitas dalam rangka penciptaan bentuk-bentuk yang menyenangkan.

Filsafat bermaksud sistem kebenaran sebagai hasil berfikir yang sistemetik, radikal dan universal, termasuk di dalamnya ideologi pandangan hidup, nilai-nilai dan lain-lain.

Ugama, kepercayaan dan hubungan manusia dengan yang Maha Kudus, dihayati sebagai hakikat ghaib. Hubungan itu dijalankan

melalui kultus (pemujaan) dan ritus (upacara). Kepercayaan dan hubungan itu membentuk sikap hidup, konsep kepercayaan, hubungan dan sikap itu ditentukan oleh ajaran-ajaran tertentu.

Ketujuh-tujuh faset kehidupan itu adalah mengelompokkan unsur aktivitas kehidupan yang amat luas, jalin berjalin dan berliku-liku.

Menurut ilmu, ketika manusia muncul di muka bumi ini hanya satu yang diketahuinya, iaitu bahawa ia tidak mengetahui apa-apa. Tetapi perbezaan dirinya daripada tanaman dan haiwan, segera menyatakan diri dalam kehidupan. Pendapatan-pendapatan yang pertama membezakan manusia itu, pada awal pertumbuhan kebudayaan ialah Bahasa, Api dan Ugama.

Bahasa adalah alat perhubungan atau komunikasi untuk menyampaikan fikiran, perasaan, pengalaman, keinginan antara seseorang yang lain. Bahasa adalah jambatan rohaniah. Melalui bahasa, orang lain dapat mengetahui apa yang ada dalam fikiran kita. Tanpa bahasa, masyarakat, juga kebudayaan tidak mungkin tumbuh dan berkembang, sebab masyarakat adalah wadah kebudayaan.

Oleh kerana bahasa itu mempunyai hubungan yang sangat penting dalam wujudnya kebudayaan, maka dengan sendirinya pergaulan hidup atau hubungan antara individu dan masyarakat tidak ada jika ada bahasa. Bahkan segi-segi kehidupan yang lain pun mungkin tidak ada. Ugama pun tidak ada, apabila tidak wujudnya bahasa.

Telah disentuh pada awal rencana, kesenian adalah sebahagian kehidupan manusia. Seni itu sendiri membawa pengertian, ciptaan keindahan atau sesuatu yang indah. Keindahan dilahirkan melalui akal dan kecederaan fikiran manusia. Manusia mencipta, mengolah serta mengadun keindahan itu menerusi paduan fikiran dan sumber-sumber alam melalui golongan manusia tertentu. Umpamanya, pelukis mempergunakan cat, kanvas dan lain-lain. Ahli muzik mempergunakan, berbagai-bagai alat bunyian. Pemahat patong mengambil bahan-bahan tanah liat, kayu, pualam, perunggu, logam dan lain-lain. Pengarang dan penyair dengan kata-kata atau bahasa.

Hasil pekerjaan pengarang dan penyair itulah dinamakan kesusasteraan atau seni sastera. Dan kesusasteraan itu cabang dari kesenian dan kesenian itu sendiri, adalah sebahagian daripada kebudayaan. Demikian hubungan kebudayaan dengan kesusasteraan.

Puisi

PELITA

Atas sebuah pertanyaan tentang keyakinan yang hilang beberapa dekad lalu tanda tanya itu telah hampir pupus di hatinya serba terus demikian bicara sasterawan tiada ketara: Tentang kemiskinan tentang kesedihan tentang keemakan tentang kedamaian.

Siang datang malam datang dengan disk sendiri kalut warna dan simponi rasa berwaktu-waktu 'kau' datang dengan senyum, sesudah 'kita' merdeka.

Kemudian, aku ingin melihat wajahmu: Yang tenang lembut yang keras murni bersama air biru.

ADI MARHAEN
17 September 1985.

MENARA GADING
(sempena penubuhan UBD)

Menara yang wujud membuka lembaran sejarah kelahiran mahasiswa mahasiswi di bumi bertuah Brunei Darussalam.

Yang dicita menjadi nyata anak-anak bangsa mulailah meneliti langkah merangkak atau berlari mendaki jangan menyeleweng sama-sama berasing.

Anak-anak tercinta tidak perlu lagi merantau di bumi orang berbekal rindu dendam dan keterasingan.

Ibu bapa penyayang tidak lagi sering berjauhan rasa resah gelisah ketakutan.

Menara gading di bumi sendiri lambang kemajuan dan keperibadian bangsa dan negara.

Rahimi A.B.
Gadong,
28 Oktober 85.

PERPISAHAN MENYAYAT HATI

(Buat 'N' satu kenangan hujung minggu)
Aku lupa di mana kita jumpa tapi katamu mulai berkenal di atas sofa dalam kamar dingin.

Aku sudah lupa di mana kita bersapa tapi katamu mulai berjumpa di coffee house dekat pasar minggu.

Hai, aku sudah lupa sahabat di mana kita bersalam berjabat tapi katamu mulai bertemu di pesisir Tanjong Lubang di atas batang kering.

Benar aku sudah lupa padamu makin dikenang lupakan urusan di mana dasar mulanya pertemuan bertepatan tapi katamu kau sudah faham hidup tiada ikatan selamat berpisah!

ADI MISERE
Pekan Miri,
1 Julai, 1985.

BAHASA adalah alat perhubungan atau komunikasi untuk menyampaikan fikiran, perasaan, pengalaman, keinginan antara seorang yang lain. Bahasa adalah jambatan rohaniah. Melalui bahasa, orang lain dapat mengetahui apa yang ada dalam fikiran kita. Tanpa bahasa, masyarakat, juga kebudayaan tidak mungkin tumbuh dan berkembang, sebab masyarakat adalah wadah kebudayaan.

55 IKUTI PELBAGAI JURUSAN DI UNIVERSITI AL-AZHAR

BANDAR SERI BEGAWAN.

Seramai 55 orang penuntut negara ini sedang melanjutkan pelajaran dalam pelbagai jurusan di Universiti Al-Azhar, Kaherah. Mereka terdiri dari 23 lelaki dan 32 perempuan. Kesemuanya pemegang dermasiswa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan melalui Jabatan Hal Ehwal Ugama.

Penguasa Pelajaran Ugama, Ustaz Haji Abd. Hamid bin Mohd. Daud ketika ditemui memberitahu, bagi sesi pengajian 1985/1986, tahun pertama terdapat 14 penuntut lelaki dan 7 perempuan. Tahun kedua, lima penuntut lelaki dan 10 orang penuntut perempuan, tahun ketiga empat orang penuntut lelaki dan 10 penuntut perempuan. Manakala di tahun empat

Oleh Abd. Karim HAB

pula hanya seramai 5 orang yang semuanya penuntut perempuan.

Menurutnya lagi, jurusan yang diikuti oleh penuntut lelaki ialah 'Syariah Wal Kanun', 'Usuluddin' dan 'Lughah Wal-Adat' di mana empat orang memilih jurusan Syariah Wal-Kanun, 11 dalam jurusan Usuluddin dan tiga orang dalam jurusan Lughah Wal-Adat.

Manakala lima orang lagi adalah penuntut yang baru saja bertolak ke Mesir baru-baru ini. Beliau menerangkan, bagi penuntut perempuan pula kursus yang diikuti ialah Fiqh Wal Usul, Aqidah Wal Falsafah dan Tafsir Wal Hadith. Bagaimanapun kursus berkenaan hanya ditentukan di

tahun ketiga. Sebelum itu kesemuanya mengikuti jurusan Pengajian Islam dari tahun pertama.

Jurusan-jurusan yang diikuti oleh penuntut-penuntut perempuan di tahun tiga ketika ini belum diketahui kerana belum menerima maklumat dari mereka.

Katanya lagi, sejak penghantaran penuntut-penuntut negara ini ke Universiti Al-Azhar dalam pertengahan tahun 1958 seramai 62 orang telah lulus dari universiti itu iaitu 35 orang lelaki dan 27 orang perempuan.

"Lulusan di bidang Syariah Wal Kanun, 24 orang; Usuluddin 9 orang dan Lughah Wal Adat seramai dua orang. Manakala Fiqh Wal Usul - 10 orang; Aqidah Wal Falsafah - tiga orang dan Tafsir Wal Hadis - 14 orang," jelas beliau.

Menurutnya, mereka sekarang bertugas di pelbagai kementerian selain dari Jabatan Hal Ehwal Ugama seperti Kementerian Pelajaran dan Kesihatan, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Katanya, mulai tahun 1983 penghantaran penuntut dermasiswa ke Madrasah Al-Junied, Singapura telah diadakan. Mulai tahun 1984, penuntut penuntut Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanah Bolkiah dan Sekolah Menengah Ugama (Arab) Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit yang lulus Sijil Tinggi Ugama dihantar terus ke Universiti Al-Azhar.



".....meskipun terdapat kira-kira 60 orang yang lulus dari Universiti Al-Azhar tetapi belum mencukupi." — Pemangku Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama di Majlis Perpisahan Penuntut ke Universiti Al-Azhar baru-baru ini. — Gambar oleh Ak. Abu Bakar PHO.

BRUNEI SERTAI ASIAN BAZAAR DI KAHERAH

KAHERAH. — Brunei Darussalam buat pertama kalinya telah menyertai Pertunjukan Asian Bazaar kali ke-11 anjuran Persatuan Isteri-isteri Diplomat Asia di Kaherah (AWDA).

Pertunjukan yang berlangsung di kediaman Tuan Yang Terutama Duta Besar Republik Indonesia di Kaherah itu, telah dirasmikan oleh Madam Suzan Mubarak, isteri Tuan Yang Terutama Presiden Hosni Mubarak.

Brunei Darussalam dalam pertunjukan itu telah memamerkan barang-barang buatan tempatan seperti per-

tukangan perak, tekiding dan tudung dulang serta kuih-muih asli Brunei. Hasil dari jualan pameran itu akan diserahkan kepada Tabung Persatuan AWDA bagi didermakan kepada badan-badan kebajikan dan orang-orang cacat Kaherah.

Bazaar tersebut berakhir dengan cabutan tiket-tiket bertuah. Semua negara Asia yang mengambil bahagian telah menyumbangkan hadiah masing-masing di samping hadiah hadiah sumbangan dari syarikat-syarikat perniagaan dan orang perseorangan.

Brunei Darussalam telah menghadiahkan kain songket tenunan asli yang dimenangi oleh seorang Arab Mesir.

14 buah negara yang menyertai pameran tersebut ialah Republik Indonesia, Republik Korea, Filipina, Jepun, Republik Rakyat China, Thailand, Burma, Sri Lanka, Malaysia, Brunei Darussalam, Republik Singapura, Bangladesh, India dan Pakistan.

Turut menghadiri majlis ini ialah para isteri pembesar negara Mesir, dan ketua-ketua perwakilan masing-masing di Kaherah.



ISTERI-isteri kakitangan Kedutaan Besar Brunei Darussalam ke Kaherah dan penuntut-penuntut Brunei yang menuntut di Universiti Al-Azhar ketika berada di pertunjukan Asian Bazaar di Kaherah.

Perolehi Diploma Sains Perpustakaan

BANDAR SERI BEGAWAN.

Seramai enam orang pelajar negara ini yang menuntut di Institut Teknologi MARA, Malaysia dalam bidang Kajian Sains Perpustakaan dan Maklumat telah menerima Diploma mereka di Sidang Kelima Majlis Konvokesyen Institut Teknologi MARA, Shah Alam baru-baru ini.

Mereka terdiri dari Awang Abd. Ghani bin Muhammad,

39, Awang Haji Md. Daud bin Haji Hitam, 33, Awang Metuddin bin Haji Metassan, 25, Dayang Ajjiah binti Haji Embran, 25, Dayang Murni binti Haji Maidin, 29 dan Dayang Rogayah bin Pehin Khatib Haji Sirat, 27.

Mereka mula mengikuti kursus yang membawa kepada diploma yang setaraf dengan ijazah am itu pada sesi Julai 1982 dengan dermasiswa

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Jabatan Pelajaran dan Pejabat Perjawatan.

Sementara itu, seorang lagi yang mengikuti kursus Kajian Perakaunan di institut yang sama, Awang Tundak bin Jais juga telah menerima diploma di bidang berkenaan.



LULUSAN Diploma Sains Perpustakaan dan Maklumat Institut Teknologi MARA. Dari kiri : Awang Abd. Ghani, Awang Haji Md. Daud, Awang Metuddin, Dayang Ajjiah, Dayang Murni, Dayang Rogayah dan Puan Siti Hasnah Simandjuntak (pensyarah).

35 penuntut Jefri Bolkiah lawat ABDB

TUTONG. — Seramai 35 orang penuntut dan dua orang pensyarah Sekolah Teknikal Jefri Bolkiah, Kuala Belait telah melakukan lawatan ke Bengkel Penanjung dan Perkhemahan Batalion Kedua Angkatan Bersenjata Diraja Brunei pada hari Khamis, 7 November lepas.

Ketibaan mereka di bengkel itu dialu-alukan oleh

Mejar T.P. O' Connor dan seterusnya dibawa ke Bahagian Pemeriksaan, Bahagian Pembaikan Senjata dan Instrumen, Stor Logistik dan U.E.T dan Bahagian Elektronik.

Mereka juga diberi peluang bersoal jawab dengan pegawai-pegawai di bahagian berkenaan.

Selepas makan tengahhari, rombongan itu dibawa

melawat ke pelbagai unit di Perkhemahan Batalion Kedua yang menarik minat para penuntut itu.

Menurut jurucakap Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, lawatan itu bertujuan mengenalkan kerjaya tentera kepada para penuntut dan memberi peluang kepada mereka melihat perkembangan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

KEJOHANAN RENANG BERGANTI-GANTI 24 JAM

PASUKAN Skim Renang Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan muncul sebagai juara perlumbaan renang berganti-ganti 24 jam yang berlangsung di Kolam Renang Anggerik Desa di sini Sabtu lepas.



Mereka memperolehi sejumlah 1,706 mata. Tempat kedua dimenangi oleh Pasukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei memperolehi mata sejumlah 1,658 mata, manakala di tempat ketiga disandang oleh Pasukan Renang Amatur Sabah yang memperolehi 1,606 mata.

Perlumbaan tersebut dianjurkan oleh Persatuan Renang Amatur Brunei dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan.

Sejumlah enam pasukan menyertai kejohanan itu dan hadiah-hadiah telah disampaikan oleh Pemangku Timbalan Pengarah Kebajikan, Belia dan Sukan, Pengiran Asmalee bin Pengiran Ahmad.

BELIA & SUKAN



BARISAN ahli-ahli skim renang JKBS yang muncul sebagai juara renang berganti-ganti 24 jam baru-baru ini. — Gambar oleh Pengiran Haji Yusub.

PERTUNJUKAN FILEM DAN VIDEO KEBAKARAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pasukan Bomba akan mengadakan pertunjukan filem dan video kebakaran bagi ahli-ahli sukarelawan Pasukan Bomba, Kampung Saba Laut yang akan berlangsung pada hari Isnin 18 November depan bertempat di Rumah Ketua Kampung Saba Laut, Awang Haji Masri bin Raub mulai jam 8.00 malam.

Menurut memorandum yang dikeluarkan oleh Pasukan Bomba baru-baru ini bahawa pertunjukan filem itu

akan disertai oleh seramai 34 orang ahli sukarelawan Pasukan Bomba.

Adalah juga difahamkan pertunjukan seumpama itu adalah merupakan julung-julung kalinya diadakan untuk ahli-ahli sukarelawan Pasukan Bomba.

Tujuan utama ialah untuk meningkatkan lagi kesedaran dan pemahaman berhubung dengan ancaman dan bahaya-bahaya kebakaran.

Menurut memo itu lagi, semua ahli-ahli sukarelawan

Pasukan Bomba yang terdapat di kampung-kampung yang lain juga akan diberikan pertunjukan yang serupa. Projek ini akan berjalan secara berperingkat-peringkat.




DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Yang Dipertua Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam telah berkenan berangkat bercemarduli untuk meninjau latihan-latihan sepak takraw, renang, tinju dan ping pong pada minggu lalu. Latihan-latihan itu dijalankan oleh olahragawan negara kita sebagai persiapan bagi menghadapi Kejohanan Sukan SEA di Bangkok pada bulan depan. Gambar atas memperlihatkan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ketika berangkat meninjau latihan renang di Kolam Renang Anggerik Desa di Berakas. Duli Yang Teramat Mulia diiringi oleh Yang Dimuliakan Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Awang Haji Hussien, Pengarah Kebajikan Belia dan Sukan serta pegawai-pegawai kanan di Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan. Gambar oleh Ak. Abu Bakar PHO.

BRUNEI PUNGUT 34 PINGAT EMAS

NEGARA Brunei Darussalam muncul sebagai juara keseluruhan kejohanan olahraga veteran dengan memungut sejumlah 34 pingat emas, 19 perak dan 22 gangsa, yang berlangsung selama dua hari di Stadium Negara Hassanah Bolkiah di sini.

Pasukan olahraga negara ini menyapu bersih separuh daripada acara-acara yang dipertandingkan. Di hari pertama 9 peserta negara ini memperolehi 11 pingat emas, berbanding dengan Sabah yang memperolehi 5 pingat emas.

Sejumlah 60 orang peserta dari Negara Brunei Darussalam, Sabah, Singapura, Indonesia, Melaka dan Hong Kong menyertai kejohanan ini dengan dibahagikan kepada 8 peringkat umur iaitu 35-39, 40-44, 45-49, 50-54, 60-64, 65-69, 70-74 dan 75-79.



PESERTA dari Sabah 414 Moksini Haji Alang ketika membuat lompatan dalam acara lompat jauh. — Gambar Harun Rashid.

J-kuasa baru bagi Kelab Golf Mentiri

BERAKAS. — Kelab Golf Mentiri telah mengadakan Mesyuarat Agung bagi memilih jawatankuasa tertinggi 1986/1987 pada 10 November di Stadium Negara Hassanah Bolkiah.

Jawatankuasa yang baru dilantik terdiri dari Pengarah Dato Haji Zakaria bin Dato Mahawanga Haji Yusub; Timbalan Pengarah Awang Haji Yusub bin Haji Ahmad; Setiausaha Agung Awang Chua Peng Seng Bendahara; Awang Daniel Wong

Setiausaha Pertandingan, Awang Abd. Wahab bin Haji Mohd. Said; Setiausaha Handicraft, Awang Lim Lam Keong; Setiausaha Peraturan Golf, Awang Lim Pang Kit; Kapten Padang Golf, Yang Dimuliakan Pehin Dato Indera Setia Dato Paduka Kolonel Sulaiman bin Haji Dato; Groundsman, Awang Daniel bin Haji Harafiah.

Ahli Jawatankuasa ialah Dato Haji Ahmad bin Jusri, Awang Zakaria bin Dato Paduka Haji Noordin dan Awang Haji Idris bin Haji Yusub.



SALAH seorang peserta Brunei Darussalam, Awang Sabil bin Ahmad memenangi pingat emas dalam acara 100 meter lelaki umur 40-45. — Gambar oleh Harun Rashid.

JUARA BOLA SEPAK

TUTONG. — Pejabat Kerajaan Tenaga Awam telah muncul sebagai juara dalam pertandingan akhir bola sepak antara tabung tabung Kumpulan di Daerah Tutong setelah menamatkan perlawanan dengan menang 2-0.

Sejumlah 15 buah jabatan Kerajaan di daerah tersebut telah menyertai pertandingan tersebut yang bermula sejak bulan September lalu. Hadiah kepada juara pertandingan telah disampaikan oleh Pegawai Daerah Tutong, Awang Abd. Aziz bin Dato Yusub.

SURAU BARU BAGI PEKERJA ISLAM DI LNG

PEKERJA-pekerja yang beragama Islam di LNG Brunei kini mempunyai surau baru bagi kemudahan menunaikan sembahyang di waktu waktu peredaran kerja dan tempat, iaitu suatu yang telah lama menjadi masalah kepada mereka.

Awang Ali bin Talip, Jurucakap bagi jawatankuasa surau LNG Brunei, melahirkan rasa puas hati dengan tindakan yang diambil oleh pihak syarikat kerana menyediakan kemudahan seumpama itu, yang mana ianya dipuji oleh semua pekerja Islam di sana.

Surau yang telah dibuka rasmi awal bulan lepas mula dibina dalam bulan Ogos tahun ini, dan siap pada bulan September. Ianya berukuran 6m x 6m dan boleh memuatkan sehingga 20 ke 25 orang serta dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan yang perlu.



PEKERJA-pekerja LNG Brunei ketika mengerjakan sembahyang berjemaah di surau baru itu.

Pertandingan akhir lalulintas 24 Nov

PERTANDINGAN Akhir Permainan Lalulintas Shell Brunei akan diadakan pada 24 November depan di Taman Permainan Lalulintas Shell Brunei, di G12 Lorong 11, Seria.

Sepuluh buah pasukan, empat dari Daerah Brunei-Muara, dan dua dari Daerah Belait, Tutong dan Temburong akan menyertai pertandingan itu.

Pertandingan tahunan anjuran sebuah jawatankuasa yang terdiri dari pegawai-pegawai Kanan Kerajaan dan Shell Brunei itu bertujuan bagi mengembangkan kesedaran terhadap keselamatan di jalan raya di kalangan penuntut-penuntut sekolah.



TONGKANG KREN MENDU BEROPERASI

'EMAS SEJUK' Brunei yang lazimnya diketahui ramai sebagai LNG telah dimuatkan ke dalam kapal-kapal tangki untuk dihantar ke Jepun bagi selama 13 tahun mengikut jangka masa yang ditentukan.

Bagi memastikan keutuhan operasi yang berterusan, para jurutera dan pihak pengurusan telah menyedari bahawa pemeliharaan biasa dari hari ke hari ke atas kren pengangkutan dan penyangga yang lazim diselenggarakan haruslah dipermaju, dengan pelaksanaan kerja-kerja pengecatan dan pembaikan.

Kontrak khusus telah ditulis dalam tahun 1984, dan pada awal bulan Mei tahun ini, sebuah kontrak telah diberikan kepada Salamis Skp Sendirian Berhad, sebuah

pemborong antarabangsa yang mempunyai kakitangan orang Brunei yang juga berkaliber dalam bidang pemeliharaan kemudahan-kemudahan padang luar pantai.

Tongkang Kren Mendu pula diborongan melalui Jabatan ECO BSP yang merupakan stesen kerja dan kemudahan penempatan kakitangan pemborong.

Mendu telah berpindah ke sebelah timur penyangga BLNG awal bulan Julai tahun ini dan dari sejak itu penyangga serta kren pengangkut tidak beroperasi seperti biasa. Rangka-rangka dibekalkan, kerja-kerja penyemburan dan salutan ke atas binaan ini bermula, yang juga disertai dengan kerja pembaikan mekanikal.

Bagaimanapun, adalah menjadi masalah bagi mencapai kerja yang sistematik ke arah perlaksanaannya kerana ianya memerlukan penetapan jadual pengangkutan ke kapal-kapal tangki LNG Brunei. Kehendak ini menjadi faktor utama di peringkat mengenakan jadual dan pelaksanaan kerja.

Kakitangan mahir dari kesemua BLNG, SMR ECO dan kakitangan pemborong, bagaimanapun, sentiasa berwaspada bagi memelihara keadaan tersebut. Di sini, keselamatan adalah faktor utama yang perlu diingat.

Rencana yang dibuat dengan tekun serta perbincangan dan kerjasama akan memastikan bahawa kerja ini akan membuahkan suatu kejayaan.

24 ORANG TAMATKAN KURSUS TEAME

SERAMAI 24 orang pekerja Syarikat Minyak Shell Brunei Sendirian Berhad telah menerima sijil mereka bulan lepas, setelah menamatkan kursus TEAME anjuran Jabatan Latihan syarikat itu.

Penyampaian sijil telah dilakukan oleh Ketua Pemeliharaan Kejuruteraan

